



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

LOKASI STRATEGIK RUMAWIP RESIDENSI ENESTA KEPONG TARIK MINAT WARGA KOTA

KUALA LUMPUR, 16 Mei 2017 – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyempurnakan Majlis Pecah Tanah dan Sesi Pengundian RUMAWIP Residensi Enesta Kepong, Kuala Lumpur. Projek yang dibangunkan oleh syarikat Thriven Amona Sendirian Berhad dibina di kawasan yang sangat strategik. Residensi Enesta Kepong ini mempunyai akses terus ke Jalan Kuching, Jalan Ipoh, Jalan Kepong, Duta-Ulu Kelang Expressway (DUKE) dan Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MMR2). Malah MRT (Mass Rapid Transit) Jajaran 2 juga sedang dalam pembinaan dan terletak berdekatan dengan lokasi RUMAWIP ini.

Terdapat sebanyak 254 unit rumah dengan tawaran harga jualan RM300,000 seunit dengan keluasan 803 kaki persegi, 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Setiap unit rumah ini juga disediakan seunit tempat letak kereta dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020. Antara kemudahan lain yang bakal dibina adalah seperti kolam renang, gelanggang serbaguna, tadika, surau, gimnasium, pondok pengawal keselamatan dan taman permainan.

Sehingga kini, KWP telah berjaya mencapai sebanyak 55,694 unit atau 70% daripada sasaran keseluruhan pembinaan yang telah ditetapkan iaitu 80,000 unit. Setiap projek RUMAWIP yang dibina di bawah Dasar RUMAWIP adalah tertakluk kepada sekatan moratorium selama 10 tahun yang mana setiap unit yang dibeli tidak boleh dijual kepada pihak lain sebelum tamat tempoh tersebut.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

16 Mei 2017